

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG**  
**[ HULU RAJANG ]**  
**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 [ ISNIN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- (a) status balai bomba di Pekan Belaga; dan
- (b) sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah balai bomba di Penempatan Semula Sg. Asap, Belaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Jawapan (a)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Balai Bomba dan Penyelamat Belaga telah diluluskan dalam RMKe-11 *Rolling Plan* Pertama (RP1) Tahun 2016 dengan kos projek berjumlah RM 5.5 juta. Projek tersebut telah mula pembinaan pada 18 April 2019 dan dijangka siap pada 10 Januari 2021.

2. Status terkini kemajuan sebenar pembinaan adalah **92.80%** di tapak berbanding **93.00%** mengikut jadual. Pada masa kini, kawasan Belaga mendapat perlindungan kebakaran dari Pasukan Bomba Sukarela Pekan Belaga yang dilengkapi peralatan kebombaannya seperti pam angkut, hos, nozel dan baju kalis api dengan keahlian seramai 30 orang.

**Jawapan (b)**

1. Berhubung pembinaan balai bomba di kawasan Sungai Asap, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah membuat permohonan projek pembinaan balai bomba tersebut dalam RMKe-12 *Rolling Plan* Pertama (RP1) Tahun 2021. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan Kementerian Kewangan (MOF). Kawasan Sungai Asap kini mendapat perlindungan kebakaran dari Pasukan Bomba Sukarela Uma Daro Liling dengan kekuatan 27 orang ahli dan sebuah kenderaan bomba sukarela Proton Arena yang dilengkapi dengan pam angkut bagi kerja-kerja pemadaman.

Sekian, terima kasih.